



# **SIARAN MEDIA**

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **PTPTN RUN 2024**

### **MENYATUKAN GENERASI DENGAN GAYA HIDUP SIHAT**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai penaja utama dan Koperasi Pusat Pungutan Zakat (KoPPZ) sebagai penganjur pada hari ini mengadakan PTPTN Run 2024 yang berkonsepkan *fun run* bagi menggalakkan masyarakat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat serta mengeratkan hubungan silaturahim. Acara larian berorientasi riadah ini berlangsung di Dataran DBKL, Kuala Lumpur.
2. PTPTN Run 2024 melibatkan jarak larian sejauh 3 kilometer, 5 kilometer dan 7 kilometer dapat menerapkan budaya hidup yang lebih sihat dan cergas. Program ini telah berjaya menarik 3,000 penyertaan yang terdiri daripada kanak-kanak, dewasa dan warga emas semenjak pendaftaran dibuka pada 23 Ogos 2024 yang lalu. Penganjurannya juga merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) PTPTN dalam menggalakkan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat melalui sukan untuk semua. Ia juga diadakan sebagai menghargai para pelanggan yang tidak pernah jemu memberi sokongan kepada PTPTN.
3. Program dimulakan dengan pelepasan atau *flag off* kayuhan basikal melibatkan 200 orang peserta anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan *flag off* peserta larian yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN. Hadir sama, YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, YBrs. Tuan Haji Khairulazhar Samsudin, Timbalan Pengerusi Koperasi PPZ (KoPPZ), YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), YBrs. Tuan Haji Mohd Saufiyuddin Abu Bakar, Ahli Lembaga KoPPZ, Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN, Pengurusan dan kakitangan PTPTN, wakil-wakil kementerian, rakan-rakan strategik PTPTN dan pihak media.

4. Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, “Program PTPTN Run 2024 merupakan salah satu usaha murni PTPTN dalam menggalakkan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Amalan ini tidak hanya memberikan kesan positif kepada kesihatan fizikal, tetapi juga memberi impak yang baik kepada kesihatan mental dan emosi seseorang. Besar harapan saya, program larian ini dapat menyumbang kepada pembentukan komuniti sihat sekali gus dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan membangunkan produktiviti negara.”

5. “Selain itu, pelbagai aktiviti turut diadakan semasa PTPTN *Run* 2024 ini berlangsung. Antaranya, senamrobik, slot kuiz PTPTN, pembukaan *booth* PTPTN dan acara cabutan hadiah dengan sepuluh (10) hadiah lumayan berjumlah RM10,000 menanti peserta terlibat,” tambah beliau lagi.

6. PTPTN yang merupakan agensi di bawah KPT dan peneraju tabung pendidikan utama negara percaya bahawa modal insan yang berkualiti memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kemajuan negara dengan melahirkan individu yang berdaya tahan, inovatif dan proaktif serta bersedia menghadapi cabaran masa depan. Oleh itu, sokongan kuat dan berterusan dari masyarakat terhadap program seumpama ini dapat menyumbang kepada pembentukan komuniti yang memiliki badan cergas, minda cerdas sekali gus dapat menyemai gaya hidup sihat dan meningkatkan produktiviti negara.